

Lelaki dicekup, polis temui dua pekot disyaki syabu

Posted on January 21, 2015, Wednesday



RAMPAS: Abang Zainal (tiga kiri) bersama pegawainya menunjukkan barang kes yang dirampas daripada suspek.

LAWAS: Polis berjaya menemui dua pekot plastik lutsinar yang berisi hablur kristal disyaki dadah jenis syabu disembunyikan seorang lelaki di dalam beg gelas ketika sedang makan di sebuah kedai makan di sini, tengah hari kelmarin.

Dalam pemeriksaan pada jam 12 tengah hari kelmarin, sepasukan anggota polis yang diketuai oleh Inspektor Zulpaka berjaya memberkas suspek berbangsa Lun Bawang berusia 21 tahun daripada Long Tengoa Trusan.

Ketua Polis Daerah Lawas DSP Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata, hasil pemeriksaan lanjut, anggotanya berjaya menjumpai satu bekas plastik berwarna biru bertulis 'Chewing Gum Mentos' yang di dalamnya mengandungi dua pekot plastik lutsinar disyaki dadah jenis syabu seberat 7.0 gram.

"Kesemua barang kes dijumpai di dalam beg gelas berwarna coklat jenama 'LV' yang digalas oleh suspek.

"Suspek kemudiannya dibawa ke pejabat narkotik dan turut didapati positif 'Meth' dan 'Amp' selepas hasil ujian saringan awal air kencing dilakukan ke atas suspek," katanya kepada pemberita semalam.

Kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.